

KOS SARA HIDUP MAHASISWA UPM

Bukryman Sabri
Nur Ashikin Zainuddin
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Kegawatan ekonomi yang melanda dunia pada 2008 telah menyebabkan banyak syarikat mengalami kerugian dan kejatuhan harga pasaran yang teruk. Hal ini menyebabkan banyak negara yang terkena tempias hasil daripada kejatuhan itu, termasuklah Malaysia. Selepas berlakunya kegawatan ekonomi pada tahun 2008, negara telah menghadapi masalah ekonomi yang teruk. Akibat daripada itu, antara yang menerima kesan langsung daripada kegawatan ekonomi ini adalah rakyat Malaysia itu sendiri. Antara masalah yang dihadapi oleh rakyat ialah kenaikan harga barang yang mendadak, kenaikan inflasi dan juga kehilangan mata pencarian. Hal ini menyebabkan rakyat menghadapi kos sara hidup yang tinggi dalam menampung kehidupan seharian akibat daripada kenaikan harga barang keperluan asas. Secara tidak langsung ia juga turut memberi kesan ke atas kehidupan mahasiswa juga. Zydiawati (2015) menyatakan bahawa dalam tempoh beberapa dekad yang lalu, fungsi wang hasil daripada pendapatan isi rumah di Malaysia semakin bertambah dari hari ke hari. Pertambahan ini adalah berkait langsung dengan peningkatan berterusan kos sara hidup masa kini yang perlu ditampung oleh setiap isi rumah bandar mahupun luar bandar.

Kos sara hidup sentiasa berubah mengikut keadaan ekonomi semasa negara dan dunia. Menurut *Reserve Bank of Australian* (2014) kos sara hidup ialah peruntukan kewangan yang seimbang untuk menyara kehidupan bagi memenuhi setiap keperluan. Di samping itu, kos untuk menyara kehidupan sering berubah-ubah mengikut putaran ekonomi pada masa kini seperti pendapatan, peningkatan harga barangan dan sebagainya. Selain itu, indeks kos sara hidup digunakan untuk mentafsir perubahan dari semasa ke semasa kuasa beli sesebuah isi rumah. Ia juga turut mengambil kira pengukuran kepada kesan perubahan harga bagi perbelanjaan yang dibuat oleh isi rumah untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.

Bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat, ada segelintir pelajar bekerja sambil bagi menampung kehidupan mereka di kampus.

Oleh itu, pengurusan kewangan yang baik sangat penting dalam kehidupan seseorang dalam merancang sumber kewangan yang terhad bagi memenuhi keperluan dan kehendak yang tidak terhad terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan. Walaupun mahasiswa mendapat pinjaman atau biasiswa yang disediakan oleh kerajaan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan lain-lain, namun jika mahasiswa tidak mempunyai perancangan yang teliti dan teratur, ia boleh menyebabkan mahasiswa menghadapi masalah pengurusan kewangan yang teruk dan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan di kampus.

Menurut Mohd Mahyuddin (2014), pengurusan kewangan yang cekap dan sistematik amat penting dan perlu diamalkan oleh setiap individu bagi memastikan sumber kewangan yang dimiliki tidak digunakan untuk perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan tidak berfaedah. Golongan mahasiswa juga tidak terkecuali daripada kemestian ini kerana pada peringkat inilah mereka perlu bijak dalam menguruskan sumber kewangan mereka yang terhad bagi mengelak daripada masalah kewangan yang dapat menjejaskan tumpuan mereka terhadap proses pembelajaran.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti kos sara hidup dalam kalangan mahasiswa masa kini bagi menampung kehidupan seharian sama ada dengan bekerja separuh masa atau tidak bekerja separuh masa di UPM. Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengetahui sumber-sumber kewangan dan bentuk perbelanjaan mahasiswa.
- ii. Mengkaji kesan perbelanjaan dalam kalangan mahasiswa ke atas kehidupan seharian mereka.
- iii. Mengkaji persepsi dan amalan mahasiswa dalam menguruskan kewangan seharian.
- iv. Mengenal pasti faktor pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa yang bekerja separuh masa atau tidak bekerja separuh masa.
- v. Mengenal pasti masalah kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa.
- vi. Perbezaan antara tahap umur dengan pengurusan kewangan mahasiswa.

Tinjauan Literatur

Dalam kehidupan seharian, kos sara hidup amatlah penting untuk diambil kira bagi menentukan sama ada kita dapat memenuhi keperluan di samping

mencapai kesejahteraan dalam hidup. Menurut Bertish (1994) menyatakan bahawa tiga aspek perbelanjaan asas yang terbabit dalam kos hidup ialah perbelanjaan makanan, pakaian dan perlindungan. Dalam proses membuat keputusan pembelian barangan keperluan dan perkhidmatan, individu perlu membezakannya kepada tiga bahagian iaitu barangan keperluan asasi, barangan kehendak dan barang mewah (Mate, 1991).

Menurut David dan Albert (1993), kebanyakan pembelian yang dilakukan oleh remaja ditentukan oleh proses membuat keputusan yang mementingkan nilai estetik seperti stail atau warna model barangan dan kebanyakan mereka adalah daripada kumpulan pengguna yang paling peka tentang barangan baharu dan berjenama.

Menurut Zamzurina (2005), menyatakan bahawa secara umumnya terdapat beberapa jenis pendapatan yang sering digunakan termasuklah pendapatan wang, pendapatan benar, pendapatan psikik dan pendapatan budi bicara. Dalam Bancian Pendapatan Isi rumah Malaysia yang dijalankan secara berkala mulai 1974, definisi pendapatan yang digunakan merangkumi pendapatan wang dan pendapatan mata benda. Salah satu sebab mengapa pendapatan yang menentukan perbelanjaan hidup kerana pendapatan sebagai kayu pengukur bagi sesebuah isi rumah berbelanja untuk mencapai kesejahteraan hidup. Dengan pendapatan, isi rumah boleh membeli dan mendapatkan perkhidmatan di pasaran seperti kesihatan, pengangkutan dan komunikasi, dan sebagainya (Laily, 2004).

Menurut Zydiawati (2015), kos sara hidup adalah penting untuk melihat sejauh mana keberkesanan seseorang individu dalam sesebuah isi rumah dalam menentukan kategori perbelanjaan pendapatannya. Banyak kajian yang lepas menunjukkan perkaitan yang positif antara saiz populasi dengan kos sara hidup. Bentuk kos sara hidup bagi sesebuah negara adalah bergantung pada kawasan dan bahagian negara tersebut.

Hasil kajian *American Chamber of Commerce of Researchers Association* (ACCRA, 1980), penggunaan item-item indeks kos sara hidup seperti makanan, perumahan, kemudahan awam, pengangkutan dan penjagaan kesihatan dan pelbagai jenis barangan mempunyai kaitan yang sistematik dengan saiz sesuatu kawasan bandar yang diduduki. Hasil kajian ACCRA juga mendapati faktor-faktor seperti kawasan geografi, populasi dan pendapatan mempunyai kaitan yang signifikan dengan kos kehidupan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan reka bentuk kajian adalah kuantitatif. Data dikumpulkan melalui borang soal selidik yang diedarkan

kepada pelajar-pelajar UPM yang terpilih. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah persampelan rawak bertujuan. Hal ini kerana responden yang dipilih ialah mahasiswa UPM yang terdiri daripada mahasiswa yang mengambil bidang sains dan juga sastera.

Satu set soal selidik telah diedarkan kepada seramai 106 orang pelajar UPM yang mempunyai dan yang tidak mempunyai pekerjaan separuh masa. Seramai 37 orang mahasiswa adalah lelaki dan 69 orang adalah perempuan, yang terdiri daripada bidang sains dan sastera. Soal selidik kajian mempunyai 67 item yang dibahagikan kepada lima bahagian soalan, iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E.

Bahagian A: Bahagian ini mengandungi empat belas item yang merangkumi soalan-soalan tentang umur, jantina, bangsa, bidang pengajian, semester pengajian, sumber kewangan, jumlah perbelanjaan sebulan, tahap pendidikan, status perkahwinan, agama, dan juga mempunyai pekerjaan sambil serta bantuan atau jumlah pinjaman yang diterima dalam satu semester.

Bahagian B: Bahagian ini mengandungi lapan item tentang peruntukan kewangan terhadap makanan dan minuman, pelajaran seperti buku, nota, dan lain-lain, pakaian dan kasut, pengangkutan seperti kemudahan awam, perhubungan seperti prabayar dan bil telefon, perubatan, rekreasi dan hiburan, dan lain-lain.

Bahagian C: Bahagian ini mengandungi 20 item berkaitan faktor mahasiswa bekerja sambil.

Bahagian D: Bahagian ini mengandungi 10 item soalan berkaitan persepsi terhadap perancangan kewangan.

Bahagian E: Bahagian ini mengandungi 10 item soalan berkaitan amalan terhadap pengurusan kewangan.

Bagi penganalisan data, kaedah analisis diskriptif digunakan untuk meneliti frekuensi dan peratusan responden bagi demografi, persepsi, amalan dan masalah serta pengalaman kewangan pelajar. Analisis ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan dua angkubah antara faktor umur dengan pengurusan kewangan pelajar.

Dapatan Kajian

Hanya beberapa dapatan utama daripada kajian yang dibuat dibincangkan dalam ringkasan ini, melalui beberapa jadual yang berkaitan dengan faktor dan sebab mahasiswa bekerja separuh masa dan persepsi terhadap perancangan kewangan serta pengalaman kewangan semasa di kampus.

Latar belakang responden

Faktor sosiodemografi yang dibincangkan adalah yang berkaitan dengan sumber kewangan yang diterima oleh pelajar dalam satu semester. Hanya terdapat dua kategori sahaja bagi faktor ini, iaitu menerima hanya satu sahaja sumber kewangan dan menerima lebih daripada dua sumber kewangan. Sebanyak 72.6 peratus responden menerima hanya satu sahaja sumber kewangan. Hal ini disebabkan pelajar hanya menerima bantuan atau sumber kewangan daripada satu sumber pinjaman atau biasiswa sahaja. Manakala yang selebihnya menerima lebih daripada dua sumber kewangan, iaitu sebanyak 27.4 peratus. Mereka yang mendapat lebih bantuan atau sumber kewangan ini adalah daripada sumber ibu bapa atau bekerja secara sambilan.

Faktor sosiodemografi yang lain ialah status perkahwinan. Kategori ini terdiri daripada bujang, berkahwin, janda dan duda. Status perkahwinan yang paling tinggi peratusannya adalah daripada kategori bujang iaitu sebanyak 91.5 peratus, diikuti oleh status berkahwin iaitu 7.5 peratus dan yang paling sedikit peratusannya adalah janda atau balu iaitu 0.9 peratus.

Faktor umur pula telah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu yang berumur antara 19 hingga 24 tahun dan 25 tahun ke atas. Sebahagian besar responden terdiri dari kategori umur 19 hingga 24 tahun iaitu sebanyak 97 orang dan selebihnya adalah daripada kategori 25 tahun ke atas iaitu sembilan orang pelajar. Purata umur responden adalah 22.7 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah muda (91.5%) dan terdiri daripada mereka yang hanya berumur dari 19 hingga 24 tahun.

Bagi jumlah perbelanjaan sebulan pula, dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu RM0 hingga RM500, RM501 hingga RM1000, RM1000 hingga RM1500, RM1501 hingga RM2000 dan RM2001 hingga RM2400. Kumpulan daripada RM0 hingga RM500 mempunyai jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 84.9 peratus, manakala yang paling rendah adalah daripada RM1001 hingga RM1500 dan RM2001 hingga RM2500, iaitu masing-masing sebanyak 0.9 peratus sahaja. Purata jumlah perbelanjaan sebulan yang diterima oleh pelajar adalah sebanyak RM411.98. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sumber kewangan yang terhad

untuk menampung perbelanjaan di kampus yang tidak terhad untuk memenuhi keperluan harian dan kehendak.

Jadual 1: Taburan Sosiodemografi Responden

Pemboleh Ubah	n	%
Sumber Kewangan		
Menerima 1 sahaja sumber	77	72.6
Menerima 2 atau lebih sumber	29	27.4
Status Perkahwinan		
Bujang	97	91.5
Berkahwin	8	7.5
Janda	1	0.9
Umur		
19 – 24 Tahun	97	91.5
25 Tahun dan ke atas	9	8.5
Purata	22.70	
Sisihan piawai	2.09	
Jumlah Perbelanjaan Sebulan		
RM0 – RM500	90	84.9
RM501 – RM1000	14	13.2
RM1001 – RM1500	1	0.9
RM1501 – RM2000	-	-
RM2001 – RM2400	1	0.9
Purata	411.98	
Sisihan piawai	263.60	

Peruntukan kewangan responden

Jadual 2 menunjukkan peruntukan kewangan yang dibuat oleh responden bagi satu semester. Bagi peruntukan yang dibuat untuk kategori makanan dan minuman, purata perbelanjaan makanan dan minuman adalah yang tertinggi iaitu sebanyak RM868.91, di mana minimum perbelanjaan adalah sebanyak RM200 dan maksimum adalah sebanyak RM2,500. Hal ini menunjukkan pelajar memperuntukkan kewangan mereka lebih kepada makanan dan minuman berbanding dengan kumpulan perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi pelajaran pula adalah kedua tertinggi, iaitu dengan purata perbelanjaan sebanyak RM258.10, di mana minimum perbelanjaan adalah sebanyak RM50 dan maksimum adalah sebanyak RM800. Kumpulan perbelanjaan ketiga tertinggi adalah bagi perhubungan, iaitu sebanyak RM247.02 (minimum=RM30, maksimum=RM1,000). Manakala untuk lain-lain perbelanjaan pula, perbelanjaan minimum dan maksimum adalah

sebanyak RM20 dan RM600. Purata perbelanjaannya pula adalah sebanyak RM181.43. Perbelanjaan lain-lain merangkumi perbelanjaan seperti perbelanjaan untuk keluarga atau ahli keluarga.

Jadual 2: Peruntukan Kewangan bagi Satu Semester

Kumpulan Belanja	Min Perbelanjaan (RM)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Makanan dan Minuman	868.91	200	2,500
Pelajaran (buku nota, alat tulis dan lain-lain)	258.10	50	800
Pakaian dan Kasut	245.50	20	1,500
Pengangkutan (duit minyak, kemudahan awam)	233.76	30	1,600
Perhubungan (prepaid, bil telefon)	247.02	30	1,000
Perubatan	84.21	1	300
Rekreasi dan Hiburan	235.29	30	1,000
Lain-lain	181.43	20	600

Faktor responden bekerja separuh masa

Dapatan menunjukkan hanya sebanyak 13 orang mahasiswa sahaja yang bekerja separuh masa. Dapatan bagi Jadual 3 menunjukkan bahawa faktor dan sebab yang paling kuat mendorong pelajar untuk bekerja adalah untuk mendapatkan wang dan tidak mahu membebankan keluarga, iaitu semua responden bersetuju dengan menjawab ‘Ya’ untuk pernyataan ini. Faktor utama pelajar bekerja adalah untuk mendapatkan wang untuk menampung perbelanjaan dan keperluan seharian di kampus. Mereka memerlukan wang untuk menampung perbelanjaan seperti pakaian, kasut, buku, telefon bimbit dan hiburan.

Manakala sebab-sebab yang lain adalah untuk memperoleh pengalaman bekerja, iaitu 84.6 peratus mengatakan ‘Ya’, diikuti oleh sebab berasa bebas apabila bekerja, membantu keluarga menambahkan pendapatan dan untuk menampung kos hidup di kampus dengan sebanyak 76.9 peratus menjawab ‘Ya’. Selain itu, mereka berasa seronok apabila bekerja dan untuk memenuhi masa lapang sebanyak 69.2 peratus, ramai kawan saya yang bekerja (38.5 peratus) dan dipengaruhi oleh kawan saya yang bekerja sebanyak 7.7 peratus sahaja.

Jadual 3: Faktor Bekerja Separuh Masa

Perkara	Ya		Tidak		Kedudukan
	n	%	n	%	
Untuk mendapatkan wang.	13	100.0	-	-	1
Tidak mahu membebankan keluarga.	13	100.0	-	-	1
Untuk memperoleh pengalaman bekerja.	11	84.6	2	15.4	3
Berasa bebas apabila bekerja.	10	76.9	3	23.1	4
Membantu keluarga menambahkan pendapatan.	10	76.9	3	23.1	4
Untuk menampung kos hidup di kampus.	10	76.9	3	23.1	4
Berasa seronok apabila bekerja.	9	69.2	4	30.8	7
Untuk memenuhi masa lapang.	9	69.2	4	30.8	7
Ramai kawan saya yang bekerja.	5	38.5	8	61.5	9
Dipengaruhi oleh kawan saya yang bekerja.	1	7.7	12	92.3	10

Faktor responden tidak bekerja separuh masa

Jadual 4 menunjukkan sebab dan faktor mahasiswa tidak bekerja separuh masa, iaitu terdapat sebanyak 93 orang mahasiswa yang tidak bekerja sambilan. Bagi kedudukan yang paling tinggi adalah sebab pelajar tidak mahu membebankan fikiran dengan peratusan 91.4 peratus yang menjawab ‘Ya’. Ia diikuti oleh sebab tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk melakukan pekerjaan sambilan seramai 89.2 peratus yang menjawab ‘Ya’. Sebab dan faktor yang paling sedikit yang menjawab ‘Ya’ adalah bagi sebab tidak berani mencuba sesuatu yang baharu, iaitu sebanyak 25.8 peratus.

Dapatan hasil kajian di bawah menunjukkan bahawa faktor utama pelajar tidak bekerja adalah kerana mereka hendak menumpukan perhatian yang lebih terhadap pelajaran dan kuliah. Mereka tidak mahu disebabkan mereka bekerja sambilan, ia akan menjejaskan kehidupan mereka sebagai pelajar dan juga tidak mempunyai masa untuk diri sendiri dan keluarga. Ia juga adalah kerana mereka tidak mempunyai masa yang banyak untuk melakukan kerja sambilan tersebut yang mana jadual harian mereka padat dengan kuliah dan juga aktiviti kokurikulum yang lain. Faktor kedua penting yang menyebabkan pelajar tidak bekerja separuh masa adalah kerana ibu bapa yang hanya mahu anak mereka menumpukan perhatian terhadap pelajaran sahaja, tanpa perlu memikirkan masalah lain, seperti wang dan keperluan harian yang lain.

Jadual 4: Faktor Tidak Bekerja Separuh Masa

Perkara	Ya		Tidak		Kedudukan
	n	%	n	%	
Tidak mahu membebankan fikiran.	85	91.4	8	8.6	1
Tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk melakukan pekerjaan sambilan.	83	89.2	10	10.8	2
Ingin menikmati hidup sebagai pelajar sahaja.	70	75.3	23	24.7	3
Ibu bapa tidak menggalakkan saya bekerja sambilan.	68	73.1	25	26.9	4
Ramai kawan saya yang tidak bekerja.	66	71.0	27	29.0	5
Tidak pandai membahagikan masa antara belajar dan bekerja.	63	67.7	30	32.3	6
Tidak mempunyai kenderaan sendiri.	60	64.5	33	35.5	7
Mempunyai perancangan kewangan yang stabil.	53	57.0	40	43.0	8
Mempunyai sumber kewangan yang kukuh.	43	46.2	50	53.8	9
Tidak berani untuk mencuba sesuatu yang baharu.	24	25.8	69	74.2	10

Persepsi responden terhadap perancangan kewangan

Dapatan kajian bagi Jadual 5 ini menunjukkan bahawa persepsi yang paling banyak menjawab ‘Setuju’ adalah pernyataan pengurusan kewangan yang baik dapat mengelakkan anda daripada menghadapi masalah kewangan dan amalan pengurusan kewangan boleh mendisiplinkan diri anda berbelanja dengan lebih cekap dengan peratusan sebanyak 98.1 peratus.

Persepsi seterusnya yang mendapat peratusan kedua tertinggi ‘Setuju’ ialah pernyataan belanjawan ialah satu rancangan bagi mengagihkan sumber kewangan yang ada terhadap pelbagai keperluan dan kehendak anda dengan peratusan sebanyak 97.2 peratus. Kemudian diikuti oleh perancangan kewangan dapat mengawal amalan perbelanjaan anda, amalan pengurusan kewangan membolehkan anda mengenal pasti ke mana sumber tersebut telah dibelanjakan, dan melalui perancangan kewangan, anda boleh mempunyai amalan perbelanjaan yang baik dengan peratus yang sama, iaitu sebanyak 96.2 peratus. Bagi persepsi yang lain pula adalah perancangan kewangan dapat membantu anda hidup ikut kemampuan anda (95.3%), dengan merancang kewangan, ia dapat memberi keteguhan kepada wang anda

(94.3%) dan perancangan kewangan yang baik membolehkan anda menambah sumber kewangan sedia ada dengan peratus sebanyak 89.6 peratus.

Manakala pernyataan yang mendapat ‘Setuju’ yang paling sedikit adalah bagi pernyataan pengurusan kewangan yang baik boleh membantu anda mendapatkan semua yang diinginkan dengan peratusan sebanyak 82.1 peratus. Hal ini menunjukkan pelajar memahami maksud pengurusan kewangan secara amumnya dan pelajar juga sedar akan pengurusan kewangan adalah penting dalam merancang perbelanjaan seharian.

Jadual 5: Persepsi terhadap Perancangan Kewangan

Perkara	Setuju		Tidak Setuju	
	n	%	n	%
Pengurusan kewangan yang baik dapat mengelakkan anda daripada menghadapi masalah kewangan.	104	98.1	2	1.9
Amalan pengurusan kewangan boleh mendisiplinkan diri anda berbelanja dengan lebih cekap.	104	98.1	2	1.9
Belanjawan adalah satu rancangan bagi mengagihkan sumber kewangan yang ada terhadap pelbagai keperluan dan kehendak anda.	103	97.2	3	2.8
Perancangan kewangan dapat mengawal amalan perbelanjaan anda.	102	96.2	4	3.8
Amalan pengurusan kewangan membolehkan anda mengenal pasti ke mana sumber tersebut telah dibelanjakan.	102	96.2	4	3.8
Melalui perancangan kewangan, anda boleh mempunyai amalan perbelanjaan yang baik.	102	96.2	4	3.8
Perancangan kewangan dapat membantu anda hidup mengikut kemampuan anda.	101	95.3	5	4.7
Dengan merancang kewangan, ia dapat memberi keteguhan kepada wang anda.	100	94.3	6	5.7

Jadual 5 (sambungan)

Perkara	Setuju		Tidak Setuju	
	n	%	n	%
Perancangan kewangan yang baik membolehkan anda menambah sumber kewangan sedia ada.	95	89.6	11	10.4
Pengurusan kewangan yang baik boleh membantu anda mendapatkan semua yang diingini.	87	82.1	19	17.9

Amalan responden tentang pengurusan kewangan

Jadual 6 menunjukkan amalan pelajar tentang pengurusan kewangan yang dijalani oleh mereka setiap hari di kampus. Bagi amalan pelajar tentang adakah mereka merancang kewangan, sebanyak 58.5 peratus yang menjawab “Ya”, 18.9 peratus mengatakan “Tidak” dan kadang-kadang sebanyak 22.6 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar merancang kewangan seharian mereka supaya mereka tahu ke mana dan bagaimana wang telah dibelanjakan.

Bagi soalan adakah kos sara hidup anda semakin meningkat dari semester ke semester, sebanyak 80.2 peratus menyatakan “Ya”, manakala 16.0 peratus adalah “Tidak” dan kadang-kadang 3.8 peratus. Kenaikan kos sara hidup pada masa kini adalah disebabkan kenaikan harga barang dan juga kehendak pelajar yang semakin meningkat terhadap barang-barang baru yang terdapat di pasaran.

Jadual 6: Amalan Tentang Pengurusan Kewangan

Pemboleh Ubah	n	%
Merancang Kewangan		
Ya	62	58.5
Tidak	20	18.9
Kadang-kadang	24	22.6
Bagaimana Merancang Kewangan Seharian		
Melalui bajet yang dibuat	36	34.0
Mencatatkan segala perbelanjaan	16	15.1
Menyimpan segala transaksi yang dibuat	5	4.7
Berfikir dahulu sebelum membeli	17	16.0

Jadual 6 (sambungan)

Pemboleh Ubah	n	%
Berjimat cermat	12	11.3
Berbelanja ikut suka hati	4	3.8
Tidak tahu	16	15.1
Kos Sara Hidup Meningkat dari Semester ke Semester		
Ya	85	80.2
Tidak	17	16.0
Kadang-kadang	4	3.8

Masalah dan pengalaman kewangan responden semasa di kampus

Bahagian ini membincangkan tentang masalah dan pengalaman pelajar dalam menguruskan kewangan semasa berada di kampus. Jadual 7 menunjukkan peratusan masalah dan pengalaman kewangan pelajar semasa di kampus. Sebanyak 10 soalan yang terdiri daripada pernyataan masalah dan pengalaman pelajar diajukan. Skala yang digunakan untuk bahagian ini adalah 5 skala iaitu terdiri daripada hari-hari, sekali seminggu, sekali sebulan, sekali dalam satu semester dan tidak pernah.

Antara pernyataan masalah dan pengalaman menguruskan kewangan ialah belanja lebih daripada kemampuan, meminjam wang untuk membeli makanan, berbelanja (membeli-belah) untuk menenangkan fikiran dan meminjamkan wang kepada kawan. Bagi pernyataan belanja lebih daripada kemampuan, sebanyak 31.1 peratus menjawab sekali dalam sebulan, tidak pernah 27.4 peratus, sekali sebulan 25.5 peratus, sekali seminggu 10.4 peratus dan sebanyak 5.7 peratus pula adalah hari-hari. Bagi pengalaman meminjam wang untuk membeli makanan pula, sebanyak 67.9 peratus adalah tidak pernah, 24.5 peratus adalah sekali dalam satu semester, 5.7 peratus untuk sekali sebulan dan hanya 0.9 peratus sahaja bagi yang sekali seminggu dan hari-hari.

Seterusnya ialah pengalaman berbelanja (membeli-belah) untuk menenangkan fikiran, sebanyak 1.9 peratus bagi hari-hari, 8.5 peratus lakukannya sekali seminggu, 23.6 peratus pula sekali sebulan, 29.2 peratus untuk sekali dalam satu semester dan manakala sebanyak 36.8 peratus tidak pernah. Pernyataan meminjamkan wang kepada kawan menunjukkan 0.9 peratus bagi hari-hari, 6.6 peratus adalah sekali seminggu, 16.0 peratus sekali sebulan, 50 peratus pula sekali dalam satu semester dan 26.4 peratus adalah tidak pernah.

Manakala, bagi pernyataan masalah dan pengalaman menguruskan kewangan yang seterusnya, iaitu tidak tahu bagaimana wang dibelanjakan, berhutang

dengan rakan-rakan, tidak makan untuk jimat wang, mengambil wang ibu bapa atau orang lain tanpa pengetahuan mereka, kecewa kerana tidak dapat beli apa-apa yang dikehendaki dan membeli barang yang tidak dirancang.

Bagi pengalaman tidak tahu bagaimana wang dibelanjakan, bagi skala hari-hari sebanyak 11.3 peratus, sekali seminggu (19.8%), sekali sebulan (26.4%), sekali dalam satu semester (20.8%) dan (21.7%) bagi skala tidak pernah. Pengalaman seterusnya berhutang dengan rakan-rakan, sekali seminggu (1.9%), sekali sebulan (9.4%), sekali dalam satu semester (30.2%), dan tidak pernah (58.5%). Bagi pernyataan pengalaman tidak makan untuk jimat wang pula, sekali seminggu (9.4%), sekali sebulan (14.2%), sekali dalam satu semester (18.9%), dan tidak pernah (57.5%).

Bagi pengalaman yang lain pula, iaitu mengambil wang ibu bapa atau orang lain tanpa pengetahuan mereka, hari-hari hanya 0.9 peratus, sekali seminggu (1.9%), sekali sebulan (2.8%), sekali dalam satu semester (3.8%), dan tidak pernah (90.6%). Pengalaman lain yang ditanya adalah kecewa kerana tidak dapat beli apa-apa yang dikehendaki dengan peratusan hari-hari adalah 4.7 peratus, sebanyak 2.8 peratus bagi sekali seminggu, sekali sebulan pula sebanyak 26.4 peratus, sekali dalam satu semester adalah sebanyak 41.5 peratus dan sebanyak 24.5 peratus untuk tidak pernah.

Pengalaman yang terakhir ialah membeli barang yang tidak dirancang iaitu hari-hari sebanyak 2.8 peratus, sekali seminggu sebanyak 8.5 peratus, sekali sebulan sebanyak 33.0 peratus, sekali dalam satu semester sebanyak 39.6 peratus dan sebanyak 16.0 peratus untuk tidak pernah.

Jadual 7: Masalah dan Pengalaman Kewangan Pelajar Semasa di Kampus

Perkara	Hari-Hari		Sekali Seminggu		Sekali Sebulan		Sekali Dalam Satu Semester		Tidak Pernah	
	n	%	n	%	n	%	N	%	N	%
Belanja lebih daripada kemampuan.	6	5.7	11	10.4	27	25.5	33	31.1	29	27.4
Meminjam wang untuk membeli makanan.	1	0.9	1	0.9	6	5.7	26	24.5	72	67.9
Berbelanja (membeli-belah) untuk menenangkan fikiran.	2	1.9	9	8.5	25	23.6	31	29.2	39	36.8
Meminjamkan wang kepada kawan.	1	0.9	7	6.6	17	16.0	53	50.0	28	26.4
Tidak tahu bagaimana wang dibelanjakan.	12	11.3	21	19.8	28	26.4	22	20.8	23	21.7
Berhutang dengan rakan-rakan.	-	-	2	1.9	10	9.4	32	30.2	62	58.5
Tidak makan (<i>skip</i>) untuk jimat wang.	-	-	10	9.4	15	14.2	20	18.9	61	57.5
Mengambil wang ibu bapa/ orang lain tanpa pengetahuan mereka.	1	0.9	2	1.9	3	2.8	4	3.8	96	90.6
Kecewa kerana tidak dapat beli apa-apa yang dikehendaki.	5	4.7	3	2.8	28	26.4	44	41.5	26	24.5
Membeli barang yang tidak dirancang.	3	2.8	9	8.5	35	33.0	42	39.6	17	16.0

Ujian-t bagi perbezaan faktor umur dengan pengurusan kewangan responden

Keputusan yang diperoleh daripada ujian-t (Jadual 8) adalah nilai p atau nilai signifikan adalah 0.010 dan nilai $t = -3.130$. Kesimpulan daripada ujian-t ini, mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan peringkat umur responden dalam hal pengurusan kewangan pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa faktor umur berperanan penting dalam pengurusan kewangan seseorang pelajar semasa di kampus.

Jadual 8: Perbezaan Pengurusan Kewangan Pelajar Semasa di Kampus Berdasarkan Umur

Maklumat	n	Purata	Sisihan Piawai	t	p
19 – 24 Tahun	97	39.76	4.85	-3.130	0.010
25 Tahun dan ke atas	9	44.33	4.12		

Nota: Signifikan pada paras $p \leq 0.01$

Kesimpulan

Kos sara hidup sentiasa berubah mengikut keadaan ekonomi semasa. Oleh itu, pengurusan kewangan yang baik dan teratur oleh pelajar amatlah penting bagi menjamin kehidupan yang selari dengan kehidupan mereka sebagai seorang pelajar. Menurut Husniyah dan Zuroni (2001), dengan melakukan perancangan kewangan, individu dapat mengelak kerisauan dan ketegangan mengenai hal kewangan sama ada dalam diri atau dalam sesuatu keluarga, dan dengan itu membawa kepada kesejahteraan hidup keluarga selain dapat menstabilkan ekonomi negara.

Walaupun pelajar tahu akan kepentingan pengurusan kewangan, tetapi mereka kurang pendedahan tentang menguruskan kewangan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, dengan penyediaan beberapa program pengurusan kewangan oleh pihak universiti, hal ini dapat membantu pelajar menyelia dan menguruskan kewangan mereka dengan baik agar dapat mengurangkan kesan negatif kos sara hidup masa kini yang semakin meningkat. Dengan mempunyai pengetahuan tentang pengurusan kewangan yang baik, kehidupan dan kewangan pelajar dapat diuruskan dengan baik dan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dalam menampung kehidupan sepanjang pengajian di kampus.

Tidak banyak pelajar yang bekerja sambil untuk menampung kehidupan mereka, justeru menyebabkan sumber kewangan yang sedia adalah terhad. Oleh itu, pelajar seharusnya bijak dalam mengatasi setiap masalah yang dihadapi dengan menghadkan atau mengawal perbelanjaan terhadap barangan atau keperluan yang lebih penting sahaja. Steinberg (1993) menyatakan bahawa pemupukan semangat kepenggunaan (*consumerism*) dalam kalangan remaja telah memainkan peranan penting dalam membentuk cita rasa baharu dan minat dalam kalangan remaja. Maka wujudnya apa yang dikatakan 'budaya belia' di mana kecenderungan muda-mudi masa kini ke arah gaya hidup hedonistik. Mereka cenderung ke arah hiburan seperti menonton wayang, mengembara, makan di luar, bermain '*roller skating*', mendengar muzik, berdansa, bermain permainan video, pergi ke disko dan pusat snuker. Oleh itu, mahasiswa perlulah pandai untuk membezakan antara keperluan dan kehendak yang diinginkan oleh mereka dengan sumber kewangan yang terhad.

Pengurusan kewangan yang cekap dalam kalangan mahasiswa akan membantu mereka mencapai kedudukan kewangan yang kukuh. Meskipun kebanyakan daripada mahasiswa tidak mempunyai pendapatan sampingan yang banyak, namun, dengan pengurusan kewangan yang bijak dan efisien dapat membantu mereka daripada terjebak dengan isu "tidak cukup wang" sewaktu menjalani kehidupan di kampus (Nur Rahayu, 2015).

Cadangan

Terdapat beberapa cadangan yang diberikan oleh responden dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat kini. Antara cadangan yang diberikan adalah dengan menguruskan kewangan dengan lebih teratur, seperti membuat simpanan resit untuk setiap pembelian dan membuat satu buku khas untuk menentukan berapakah peruntukan setiap item agar mereka tidak berbelanja melebihi peruntukan yang telah dibuat.

Selain itu, mahasiswa juga perlu lebih diberikan pendedahan terhadap pengurusan kewangan personal agar mereka dapat mengenal pasti antara kehendak atau keperluan sesuatu barang atau perkhidmatan yang mereka hendak beli dan gunakan. Menurut Hapizan (2007), dalamnya (Wolf, 1984) menyatakan pengurusan kewangan personal bertujuan untuk membantu individu untuk merancang penggunaan wang secara berkesan dengan mengambil kira tentang sumber kewangan yang diperolehi, rancangan belanjawan, penyimpanan dan lain-lain yang berkaitan. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya seseorang individu itu perlu mempelajari dan mendalami kewangan personal dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, organisasi seperti pihak universiti boleh mengadakan satu subjek yang berkaitan dengan pengurusan kewangan individu. Hal ini dapat membantu mereka dalam menguruskan kewangan seharian. Selain itu, pihak universiti juga boleh mengadakan program-program seperti seminar atau karnival yang dapat memberikan manfaat tentang pengurusan dan penyeliaan kewangan supaya dapat menghadapi kos sara hidup masa kini. Pihak universiti juga hendaklah menyediakan peraturan-peraturan tertentu bagi mahasiswa yang ingin bekerja separuh masa agar mereka dapat mengimbangi antara masa belajar dengan masa bekerja.

Implikasi

Diharapkan kajian ini dapat membantu pihak universiti dalam memantau keperluan semasa mahasiswa agar barangan dan perkhidmatan yang disediakan di kampus bersesuaian dengan kemampuan mereka sebagai pelajar.

Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa pelajar yang bekerja separuh masa adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak semasa seperti membeli pakaian, hiburan dan untuk memenuhi kehendak daripada keperluan. Menurut Awab dan Sufean (2006), pelajar bekerja kerana pelbagai sebab: menyara diri, meringankan beban kewangan keluarga, belajar erti hidup susah, belajar hubungan manusia dan komunikasi di tempat kerja, menimba pengalaman baru, dan membeli barangan fesyen semasa. Pelajar tidak perlu bekerja separuh masa seandainya mereka dapat menentukan keperluan dan kehendak yang mereka inginkan semasa membeli. Dilihat dari sudut yang lain pula, pelajar yang bekerja separuh masa dapat menimba pengalaman sebelum menghadapi dunia pekerjaan yang sebenarnya.

Selain itu, pihak institusi yang memberikan pinjaman atau biasiswa kepada pelajar hendaklah membuat satu strategi dengan memberikan sumber kewangan secara bulanan dan bukannya secara semester. Implikasinya agar pelajar tidak menggunakan wang tersebut untuk membeli sesuatu yang lebih kepada kehendak seperti gajet terkini dan juga pakaian yang berjenama berbanding dengan keperluan. Ia juga lebih memudahkan pelajar agar dapat menjimatkan sumber kewangan yang ada dengan menabung atau menyimpan lebihan wang seandainya diberikan secara bulanan.

Rujukan

Australian Economics Indicator (2002). *Income and Welfare: Analytical Living Cost Indexes for Selected Australian Household Types*. June.

Awab, S. & Sufean, H. (2006). Pelajar sekolah menengah yang bekerja separuh masa: satu tinjauan di Kuala Lumpur. *Jurnal Pendidikan*, 165-188.

Bertisch, A.M. (1994). *Personal Hercourt Brace and Company*, United State of America.

Boone, L.E., Kurtz, L.D., & Heerth, D. (2003). *Planning Your Financial Future (3rd ed.)*, United State of America: Thompson South-Western.

Damico, R. (1984). Does employment during high school impair academic progress? *Journal Sociology of Education*, 57, 152-164.

David, L.L. & Albert, J.D.B. (1993). *Consumer Behavior: Concepts and Applications*. London: Macgraw Hill.

Garvey, R.C. (1993). Competing for time: school and teenage employment. *NASSP Bulletin*, 76, 74-81.

Gutner, T. & Kaplan, K. (2001). *Financial Education for Undergrades*, dimuat turun dari Februari 6, 2005 dari <http://www.yourmoney.com/moneymanagement>.

Hallwen, G.V. & Rosenbloom, J.S. (1993). *Personel Financial Planning*. United State of America: McGraw-Hill Inc.

Husniyah, AR. & Zuroni, M.J. (2001). *Pengenalan: Perancangan Kewangan*, Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 90 – 97.

Idura, Y. (2006). *Materialisme dan Strategi Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Mahasiswa UPM*, Tesis Pelajar Tahun Akhir. Universiti Putra Malaysia.

Jariah, M. (2006). *Pengurusan Kewangan Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,

Laily, P. (2004). *Pengurusan dan Kualiti Hidup*, Nota Kuliah.

Lown, J.M. (2009). Family financial well-being guidance. *Research Journal of Economics*, Winter, 5 – 8.

Mason, W.J. & Beutler, F.I. (1987). Family cash flow budgeting. *Home Economics Research Journal*, 16, 3-11.

McMahon, M. (1998). Potential resource recovery in higher education in developing countries and the parent is expected contribution. *Economic of Education Review*, 1(1), 135 – 152.

Mohamad Hapizan, Z. (2007). *Pengaruh Personaliti Terhadap Tingkahlaku Kewangan Mahasiswa di Lembah Klang*, Tesis Pelajar Tahun Akhir. Universiti Putra Malaysia

Mohd Mahyuddin, I. (2004). *Persepsi Mahasiswa Terhadap Pengurusan Kewangan, Kajian Kes di Kalangan Mahasiswa Tahun 3 dan 4 Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)*, Tesis Master. Universiti Teknologi Malaysia.

Mortimer, J.T. & Shanahan, M. (1994). Adolescent work experience and family relationships. *Work and Occupation Journal*, 21, 369-284.

Nor Afizah, B. (2008). *Pengurusan Kewangan Mahasiswa: Tinjauan Terhadap Pelajar Tahun 1 dan 2*, Sarjana Muda Sains Pendidikan (Pengajian Islam), Fakulti Pendidikan, UTM,

Nur Rahayu, M.R. (2005). *Pengurusan Kewangan di Kalangan Mahasiswa dalam Kampus UPM*, Tesis Pelajar Tahun Akhir. Universiti Putra Malaysia.

Reserve Bank of Australian. (2014). *Inflation and the Cost of Living*. Bulletin. March Quarter.

Steinberg, L. (1993). *Adolescence (3rd Eds.)*. New York: McGraw-Hill.

Utusan Malaysia (1998, Februari 20). *Pelajar Digalak Bekerja Sambilan*, ms. 1.

Wolf, D.A. (1984). Changes in household size and composition due to financial incentives. *The Journal of Human Resources*, 19(1), 87-103.

Zamzurina, A. (2005). *Kos Sara Hidup: Perbelanjaan Ke Atas Pengangkutan dan Komunikasi di Kalangan Isi Rumah Luar Bandar di Pulau Pinang*. Tesis Pelajar Tahun Akhir. Universiti Putra Malaysia.

Zydiawati, A.B. (2015). *Kos Sara Hidup: Perbelanjaan Pengangkutan dan Komunikasi di Kalangan Isi rumah Luar Bandar*. Tesis Pelajar Tahun Akhir. Universiti Putra Malaysia.

JURNAL PENGGUNA MALAYSIA

MALAYSIAN JOURNAL OF CONSUMER

Lembaga Pengarang

Dr. Syuhaily binti Osman (Ketua Editor)	Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia
Dr. Husniyah binti Abdul Rahim	Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia
Dr. Elistina binti Abu Bakar	Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia
Prof. Madya Dr. Norhasmah binti Sulaiman	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia
Dr. Afida Mastura Muhammad Arif	Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia

JURNAL PENGGUNA MALAYSIA adalah keluaran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia. Ia bertujuan untuk menyebarkan, menambah dan berkongsi maklumat berkaitan hal ehwal, undang-undang, penyelidikan dan isu semasa pengguna. Jurnal ini juga menggalakkan penulisan dan perkongsian idea tentang masalah dan keperluan pengguna dalam bentuk rencana, ulasan, dan penyelidikan. Sila rujuk panduan kepada penulis untuk penghantaran bahan artikel.

Alamat surat-menyurat:

Ketua Pengarang
Jurnal Pengguna Malaysia
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor.
Email: macfea@upm.edu.my

PANDUAN KEPADA PENULIS

Jurnal Pengguna Malaysia mengalu-alukan sumbangan manuskrip berkaitan isu ekonomi pengguna dan keluarga samada di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Manuskrip akan dinilai oleh Lembaga Pengarang. Sila kemukakan artikel anda berdasarkan garis panduan berikut kepada Ketua Pengarang Jurnal Pengguna Malaysia, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor. Email: macfea@upm.edu.my

Penulisan dan Kertas Kerja

Manuskrip perlu ditaip selang dua baris menggunakan kertas A4 dengan 1" margin untuk bahagian atas muka surat, 1.5" kiri dan 1" kanan. Bilangan muka surat tidak melebihi 15 muka surat. Semua teks mesti menggunakan saiz 12 dan Times New Roman.

Tajuk

Tajuk artikel, nama pengarang dan pengarang yang lain, alamat lengkap institusi dan email perlu dinyatakan. Tajuk atau sub-tajuk menggunakan fon 14. Sila kemukakan dua salinan kertas manuskrip dan satu salinan lembut untuk tujuan pengeditan.

Kata kunci

Berikan antara tiga hingga lima kata kunci dan letakkan di bahagian bawah abstrak.

Jadual

Kesemua jadual perlu diletakkan di akhir manuskrip selepas rujukan dan menggunakan angka Arab. Setiap jadual perlu dinyatakan dan perlu diberi penjelasan dalam teks.

Ilustrasi

Ilustrasi termasuk gambarajah-gambarajah dan graf-graf perlu dinyatakan di dalam teks. Kesemua foto yang sesuai perlu dicetak hitam dan putih. Ilustrasi perlu dicetak pada kertas yang berasingan.

Ejaan dan pengukuran

Bagi merujuk ejaan, Kamus Bahasa Inggeris Oxford dan Kamus Dewan Bahasa yang terkini hendaklah digunakan. Unit-unit metrik mesti digunakan untuk ukuran empirikal.

Rujukan

Rujukan ditulis mengikut gaya penulisan APA.

Pendapat yang terkandung di dalam jurnal ini tidak semestinya menggambarkan pendapat Lembaga Pengarang dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan